

## **K' POLA PENGLIBATAN DAN IMPAK KOMUNIKASI PARA ULAMA MENCEGAH KONFLIK DALAM MASYARAKAT**

**Haidir Fitra Siagian\*,  
Mohd. Yusof Abdullah, Normah Bt. Mustaffa,  
an Fauziah Ahmad\*\***

\* Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar

\*\* Departemen Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

email: [hfitrasiagian@gmail.com](mailto:hfitrasiagian@gmail.com)

### **Abstrak**

Kertaskerja ini membincang tentang pola penglibatan dan impak komunikasi para ulama dalam guna mencegah konflik dalam masyarakat. Konflik yang berlaku di dalam kumpulan masyarakat lebih disebabkan kerana faktor tidak puas hati yang dirasakan oleh masyarakat atas aspek pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Ketidakpuasan ini bermula kerana masyarakat menganggap bahawa pembangunan yang dilaksanakan tidak membawa manfaat bagi mereka, justeru memberikan kesan yang sangat negatif. Sebelum melaksanakan pembangunan, baik pembangunan fizikal mahupun nonfizik, kerajaan sepatutnya melibatkan masyarakat melalui tokoh-tokohnya, seperti ulama dan pemimpin pendapat lain (opinion leader). Penglibatan ulama dalam pembangunan bermula dari tahap perancangan sehingga tahap pemanfaatan. Penglibatan ini diperlukan untuk memastikan sama ada pembangunan terbabit dikerjakan sesuai dengan asas pemanfaatan untuk kesejahteraan masyarakat dan dalam pelaksanaan pembangunannya telah berdasarkan kepada perancangan semula dan tidak ada unsur manipulasi. Manakala pembangunan yang dilaksanakan dengan tahap seperti ini, maka kemungkinan untuk terjadinya konflik mahupun kekerasan daripada masyarakat boleh dicegah.

*Kata kunci: konflik, komunikasi, pemimpin pendapat, ulama, pembangunan*

### **Abstract**

This paper discusses the impact of involvement and communication patterns of the Islamic scholars in a conflict prevention of a society. A conflict could happen as a result from unsatisfied development process undertaken by the government. This disappointed feeling started because people assume that the development is not beneficial for them and that it even result in a very negative effect. Before carrying out development, both physical and non-physical, the government should engage the community through a public respectful figure such as religion leaders and other opinion leaders. These leaders should be involved in the development from the planning stage up to the level of utilization. This involvement is urgent, especially to ensure that the development is done based on the welfare of society need. It is also needed to assure that the implementation of development was based on the plan and there is no element of manipulation. If the development is undertaken in this way, conflict and violence in society can be prevented.

*Keywords: conflict, communication, opinion leaders, Islamisc cholars, development*

### **PENGENALAN**

Sebagai negara yang majoriti penganutnya beragama Islam, sepatutnya Indonesia adalah negara yang aman dan makmur. Hal ini kerana sesuai dengan

ajaran agama Islam yang mengajar kedamaian dan ketenteraman kepada umatnya. Matlamat pokok daripada ajaran Islam adalah sentiasa menganjurkan pemeluknya untuk

selamat dunia dan akhirat. Akan tetapi, dewasa ini, kita melihat bahawa di Indonesia sering terjadi tindak kekerasan. Konflik boleh berlaku antara masyarakat dengan pihak kerajaan dan di antara masyarakat sendiri. Masyarakat kadang-kadang terpecah menjadi puak-puak kerana ketidaksepakatan atas tujuan dan kaedah dalam melakukan sesuatu, dan penglibatan atau pengecualian dari ahli tertentu dari masyarakat. Akibatnya, melaksanakan pembangunan, sering cenderung menyebabkan konflik serius (Chin Saik Yoon 1996).

Seperti konflik yang berlaku di Kabupaten Bima, Wilayah Nusa Tenggara Barat, Indonesia, telah memakan korban tewas daripada masyarakat sejumlah dua orang pada tarikh 24 Disember 2011. Lebih jauh lagi, konflik ini juga telah menyebabkan terbakarnya jabatan Bupati Bima dan beberapa jabatan milik kerajaan yang lain pada tarikh 26 Januari 2012, ketika lebih daripada 10 ribu warga menunjukkan perasaan. Warganegara memperlihatkan etika yang tidak terpuji kerana melakukan tindakan anarkis, dengan alasan mereka menganggap pihak kerajaan Bima tidak mahu memenuhi aspirasinya. Kerajaan Indonesia menyatakan kekesalan atas peristiwa tersebut dan meminta agar rusuhan ini akan ditamatkan. Peristiwa ini telah menambah panjang senarai keganasan yang berlaku di Indonesia sejak masa reformasi tahun 1998.

Konflik bermula manakala pihak kerajaan bandar pada awal tahun 2011, Bupati Bima memberi kebenaran eksplorasi kepada syarikat swasta untuk melakukan perlombongan emas di Kecamatan Sape dan Kecamatan Lambu Daerah Bima. Bupati Bima berpendapat bahawa perlombongan emas akan

memberikan sumbangan kepada pemerintah daerah berupa peningkatan pendapatan asli daerah, kerana syarikat akan membayar pembahagian royalti dan menerima bayaran cukai ke atas tanah dan bangunan. Syarikat juga akan membayar sewa tanah, dan kemasukan wang lain daripada pihak syarikat. Manakalah kepada masyarakat akan mendapat keuntungan dengan menjadi tenaga kerja pada syarikat tersebut. Menurut pejabat, dengan perlombongan emas ini akan meningkatkan kesejahteraan masyarakat, kerana wang yang diperolehi dari syarikat emas ini akan diguna membina bandar Bima dari pelbagai aspek kehidupan. Pembangunan bandar Bima bertujuan untuk meningkatkan taraf kesejahteraan penduduknya.

Sementara pihak masyarakat dari awal telah melakukan penentangan atas projek perlombongan ini. Masyarakat berpendapat bahawa mereka tidak akan mendapatkan keuntungan yang mustahak atas hasil perlombongan, kecuali kepada sebahagian kecil rakyat sahaja termasuk para kaki tangan kerajaan yang terlibat dalam projek itu. Masyarakat membimbangkan atas dua perkara, yakni limbah dari syarikat akan mencemarkan sungai yang menjadi sumber mata air bagi kehidupan masyarakat sepanjang masa. Kedua, tanah ladang milik masyarakat juga akan diambil pihak perlombongan. Lahan perkebunan yang ditanam bawang merah merupakan mata pencarian utama warga masyarakat sebagai petani yang sudah dilakukan turun-temurun. Disamping kedua-dua soalan itu, masyarakat juga membimbangkan kesan sosial yang timbul akibat syarikat akan membawa pekerja dari luar bandar dengan membawa budaya yang berbeza dengan masyarakat tempatan. Sebagaimana

lazimnya dalam sesebuah komuniti masyarakat baru yang terdiri daripada pendatang dari luar bandar terdiri daripada pelbagai etnik, akan membawa soalan tersendiri. Masyarakat membimbangkan adanya kemasukan budaya yang tidak sesuai dengan norma agama dan nilai-nilai moral, seperti perjudian, minuman keras, dan perzinaan.

Merujuk kepada persoalan di atas, terjadinya konflik antara masyarakat dengan pihak kerajaan Bima sepatutnya boleh dielakkan. Dalam hal ini terdapat perbezaan pendapat antara pihak kerajaan dengan warganegaraanya sendiri. Ada ketimpangan komunikasi antara pihak kerajaan dengan masyarakat. Ketimpangan komunikasi antara kerajaan dengan warganegaraanya akan membawa kesan yang negatif terhadap pembangunan. Dalam kes ini, kerajaan Bima tidak mampu memberikan pemahaman yang positif kepada masyarakat atas sisi positif dari perlombongan emas. Sedangkan di sisi lain, masyarakat sudah tidak percaya terhadap segala bentuk komunikasi yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Hal ini berlaku kerana kredibiliti pihak kerajaan sudah rendah. Mereka berkeyakinan bahawa hadirnya syarikat perlombongan emas di daerahnya, bukan membawa keuntungan, justeru yang berlaku adalah kerugian. Kerugian dari aspek ekonomi, budaya dan sosial, bahkan melanggar ajaran agama.

Manakala hendak memutuskan suatu perancangan pembangunan, pihak kerajaan sepatutnya melibatkan masyarakat. Mulai dari perancangan, pelaksanaan, pengawasan dan penggunaanya. Penglibatan masyarakat akan memudahkan suatu proses pembangunan digalakkan. Pembangunan bagi satu orang mungkin bukan

pembangunan bagi orang lain. Pembangunan adalah pertumbuhan ekonomi, tetapi tanpa mengorbankan sesiapa (Johan Galtung 2003). Perlu pula diketahui bahawa pembangunan adalah perubahan yang dialami suatu masyarakat dalam mengusahakan dan mencapai satu taraf kehidupan yang lebih sempurna yang boleh memberikan kebahagiaan kepada ahli-ahli masyarakat itu (Mansor Ahmad Saman, dkk. 1984).

Dalam kaitan pembangunan projek perlombongan emas yang berlaku di Bandar Bima ini, jelas ternyata pihak kerajaan tidak melibatkan masyarakat. Pihak kerajaan, atas nama kuasa yang dimiliki, telah memaksa sesuatu projek pembangunan tanpa melibatkan masyarakat. Tidak dilibatkannya masyarakat dalam proses pembangunan perlombongan ini telah menyebabkan adanya perbezaan pendapat antara masyarakat dengan kerajaan. Masyarakat tidak berpuas hati dengan tindakan kerajaan kerana memberi izin penambangan.

Persoalan aspirasi masyarakat yang tidak didengar oleh kerajaan sampai kepada tidak dilibatkannya dalam proses pembangunan perlombongan, menyebabkan masyarakat merasa kecewa dan melakukan tunjuk perasaan. Tunjuk perasaan dilakukan kerana proses perundingan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh masyarakat dan tokoh-tokoh agama tidak mendapat respon positif daripada pihak kerajaan. Masyarakat menghendaki dicabutnya izin perlombongan emas itu, sedangkan Bupati Bima berkeras memPERTAHAN kebenaran yang sudah diberikan kepada pihak syarikat. Akibat dari konflik yang terjadi antara masyarakat dengan Bupati Bima tidak mencapai kata sepakat, akhirnya terjadilah rusuhan. Masyarakat menyekat jalan dan pelabuhan sehingga

menghalang arus pengangkutan antara bandar, ini juga dikenalpasti menyebabkan terhambatnya aktiviti ekonomi.

Tunjuk perasaan yang dilakukan oleh masyarakat telah menyebabkan adanya kematian sejumlah dua orang daripada kalangan masyarakat sendiri akibat ditembak mati oleh pegawai keselamatan atau polis. Kemudian peristiwa yang baru terjadi ini adalah dibakarnya jabatan Bupati Bima dan beberapa jawatan milik kerajaan yang lain di Bandar Bima. Keadaan ini telah memaksa Bupati Bima untuk memenuhi tuntutan warga masyarakat. Akhirnya kebenaran perlombongan pun dicabut dan menjadikan keadaan di Kabupaten Bima menjadi tenang.

Persoalan dan yang patut dipertanyakan adalah mengapa Bupati Bima tidak melibatkan masyarakat dalam proses pembangunan perlombongan tersebut? Ketika masyarakat ingin menyampaikan aspirasinya kepada pihak kerajaan, ternyata proses komunikasi yang dilakukan tidak mencapai kesepakatan sebagaimana yang dikehendaki oleh masyarakat. Apakah yang menyebabkan sehingga suara para tokoh agama dan tokoh masyarakat Bima tidak didengar oleh pihak kerajaan? Dan mengapa pihak kerajaan baru akan mendengar aspirasi masyarakat manakalah masyarakat sudah bertindak anarki?

Kerajaan mana sahaja, sepatutnya dalam melaksanakan sesuatu projek pembangunan yang mesti diutamakan adalah kepentingan khalayak. Menurut pendapat Najib Razak (2011), konsep bahawa "kerajaan tahu apa yang terbaik" kini berubah apabila input serta maklum balas daripada rakyat dan semua pihak berkaitan akan dipertimbangkan terlebih

dahulu sebelum sebarang keputusan dibuat.

Setiap pembangunan yang dilakukan, muaranya adalah kepentingan rakyat untuk meningkatkan kesejahteraan, mencapai kehidupan yang aman dan tenteram. Oleh itu, untuk mencapai tahap kejayaan pembangunan suatu bandar, maka penyertaan masyarakat tempatan menjadi mutlak untuk dilaksanakan. Para pemuka pendapat yang terdiri daripada tokoh masyarakat dan tokoh agama atau ulama sebagai wakil daripada masyarakat pada umumnya, haruslah terlibat bermula dari proses perencanan hingga pengawasan pembangunan.

Bangsa Indonesia yang majoriti memeluk agama Islam, mempunyai konsep kepimpinan informal yang diamanahkan kepada para ulama. Masyarakat mempercayai ulama kerana mempunyai ilmu agama yang tinggi serta boleh menjadi ikutan dalam kehidupan sehari-hari. Ulama yang sesungguhnya berfungsi untuk membawa dan mendorong umat kepada keadaan yang lebih baik, melaksanakan ajaran agama dan mengelakkan segala perkara yang bertentangan dengan ajaran agama. Fungsi ulama tidak sekadar menyampaikan khutbah, ceramah dan membaca doa serta menjadi imam dalam melaksanakan ibadah. Lebih dari itu, ulama juga perlu melibatkan diri dalam segala aspek kehidupan masyarakat, bermula dari aspek ekonomi, sosial, dan budaya. Misalnya, dalam hal pengangguran. Ulama tidak boleh membiarkan adanya pengangguran yang begitu luas dalam masyarakat. Demikian pula bila ada gejala rasuah dalam kalangan kaki tangan kerajaan. Ulama sepatutnya memberikan sumbangan untuk mencegah seluruh aktiviti-aktiviti yang kadarnya adalah tidak terpuji.

Dalam konteks pembangunan, misal dalam pembangunan perlombongan emas di bandar Bima, Nusa Tenggara Barat yang sudah dikemukakan di atas, peranan ulama menjadi penting. Ulama pasti mengetahui apa sesungguhnya yang diperlukan oleh masyarakat. Bila sesuatu projek pembangunan yang digalakkan kerajaan tidak membawa keuntungan kepada masyarakat dan justeru memberi sisi negatif, maka masyarakat akan melaporkan hal ini kepada para tokoh masyarakat dan para ulama. Terjadinya rusuhan-rusuhan yang melanda bangsa Indonesia dalam dua dekad terakhir ini, adalah kerana adanya jurang komunikasi antara para tokoh masyarakat, dalam hal ini termasuk ulama, dengan pihak kerajaan. Tidak adanya komunikasi yang baik, berkesan dan mempunyai kredibiliti yang tinggi, telah membawa kecurigaan dan ketidakpercayaan. Inilah yang boleh menjadi sumber awal dari berlakunya konflik.

### **Faktor-faktor Penyebab berlaku Konflik**

Sebagai makhluk sosial, pada hakikatnya setiap individu ingin mencapai kesejahteraan dalam seluruh sisi kehidupannya, baik secara fizikal mahupun dari aspek rohaniah. Untuk mencapai destinasi dalam kehidupan ini, setiap individu melakukan pelbagai usaha dan kaedah dalam rangka memenuhi keinginannya. Antara satu individu dengan khalayak lain mempunyai perbezaan dalam memandang dan memahami sesuatu. Dari satu sisi, seseorang melihat sesuatu itu sebagai berbentuk "A", namun di sisi yang tidak sama, seseorang individu memandangnya sebagai berbentuk "B". Perbezaan cara pandang, tempat yang tidak sama, serta latar belakang yang

berlainan, seringkali menimbulkan kesalahan persepsi. Kecenderungan seperti inilah yang biasanya mengakibatkan terjadinya konflik manakala tidak diurus dengan baik.

Konflik merupakan suatu peristiwa yang berlaku antara satu pihak dengan pihak lain, akibat adanya perbezaan persepsi terhadap sesuatu soalan dan mengakibatkan adanya tindakan-tindakan yang boleh berupa kekerasan yang berlaku antara pihak-pihak terbabit. Manakala keperluan hidup, nilai, dan destitansi sentiasa bertentangan, manakala sejumlah sumber terhad, dan ketika persaingan untuk suatu anugerah dan hak-hak-hak istimewa muncul, konflik kepentingan akan muncul (Johnson dan Johnson, 1991). Menurut Anoraga (dalam Saputra 2003), konflik boleh berlaku kerana perbezaan pendapat, salah faham, ada pihak yang dianiaya, dan perasaan sensitif. Pada umumnya, konflik yang berlaku di Indonesia ialah berupa berlakunya kekerasan secara fizikal, seperti pergaduhan, peperangan antara kumpulan, demonstrasi, anarki, pembunuhan, pembakaran, intimidasi dan diskriminasi kepada pihak terbabit. Konflik seperti ini ada kaitan dengan kepentingan untuk mendapatkan keuntungan secara material atau fizikal. Misalnya memperoleh upah atau bayaran. Namun konflik yang berlaku di Indonesia juga boleh berlaku kerana kepentingan non-fizikal, misal kerana faktor tersinggung dan perbezaan ideologi.

Konflik antara kerajaan dengan masyarakat bermula kerana adanya halangan dalam melaksanakan komunikasi. Komunikasi bertujuan untuk mencapai kesamaan antara mesej yang disampaikan oleh komunikator kepada khalayak sehingga mesej tersebut boleh difahamkan kepada khalayak

dengan betul. Setiap komunikator sentiasa mengharapkan mesej-mesej yang dia sampaikan dapat mencapai destinasi. Oleh itu, seorang komunikator perlulah memahami keadaan khalayaknya, dari sisi sosial, ekonomi, budaya, dan ideologinya. Pemahaman terhadap keadaan khalayak menjadi sangat mustahak dalam setiap proses komunikasi. Ini merupakan satu anjuran yang tidak boleh diabaikan. Kerana komunikator tidak boleh memaksa suatu idea kepada khalayak, maka ianya haruslah menyampaikan ideanya itu dengan mengambil kira kepentingan mereka.

Dalam keadaan masyarakat Indonesia dewasa ini, kecenderungan pihak kerajaan sentiasa berusaha memaksakan suatu kehendak kepada rakyatnya. Pihak kerajaan merasa bahawa mereka mempunyai kuasa dan hak-hak atau peluang untuk memerintah serta menjalankan roda pemerintahan secara sepihak tanpa perlu melibatkan masyarakat. Akibat dari adanya persepsi seperti ini, maka pihak kerajaan dalam merancang program pembangunan, dilakukan mengikut kehendak dan pengetahuan mereka sendiri. Pihak kerajaan menentukan destinasi program pembangunan, melaksanakan sendiri program tersebut, melakukan pengawasan dan bahkan mengambil keuntungan dari pembangunan tersebut. Negara dilihat sebagai struktur politik yang penting dalam menjalankan kuasa pemerintahan. Kuasa pula boleh ditakrifkan sebagai pengaruh, iaitu hak mutlak seseorang berhubung dengan kerajaan memerintah orang lain (Ratnam 1997).

Sementara itu, rakyat tidak mempunyai kesempatan penuh untuk terlibat dalam proses pembangunan. Warganegara sukar untuk mengakses maklumat tentang destinasi

pembangunan yang dirancang pihak kerajaan. Mereka juga mempunyai keterbatasan-keterbatasan dalam banyak aspek sehingga penglibatan dalam proses pembangunan menjadi tidak boleh dilaksanakan dengan baik. Soalan ini kerap menimbulkan adanya pertentangan antara pihak kerajaan dengan rakyat. Dalam beberapa kes, kerajaan boleh berjaya melaksanakan pembangunan tanpa melibatkan masyarakat. Walaupun pembangunan tersebut tidak mempunyai manfaat yang ketara bagi masyarakat, mungkin masyarakat akan pasrah menerimanya.

Misal, pembinaan jalan raya sepanjang tujuh kilometer yang terbentang di Kecamatan Sipirok Kabupaten Tapanuli Selatan, Sumatera Utara pada tahun 2009 yang lalu. Menurut pihak kerajaan, jalan tersebut bermanfaat kepada mempercepatkan lajunya ekonomi di Kecamatan Sipirok. Akan tetapi masyarakat menganggap pembangunan tersebut adalah pekerjaan yang tidak sangat mustahak dan kecenderungannya adalah sia-sia. Pembangunan jalan raya itu dilakukan kerana sudah mempunyai anggaran kewangan yang sudah mereka lakukan. Anggaran kewangan boleh digunakan manakala pembangunan dilaksanakan, walaupun destinasi tidak mustahak. Saat ini, projek pembinaan jalan tersebut sudah terhenti sebelum selesai dikerjakan, belum selesai dan belum boleh dimanfaatkan oleh rakyat. Padahal pihak kerajaan telah mengambil lahan perkebunan dan persawahan milik warga tanpa memberikan bayaran yang layak bagi mereka.

Kes lain adalah pembukaan lahan perkebunan kelapa sawit di Mesuji, Provinsi Lampung pada tahun 2010 yang lewat. Pihak kerajaan telah melakukan kerjasama dengan syarikat antarabangsa

untuk membuka lahan perkebunan kelapa sawit. Sebahagian besar tanah yang dijadikan kebun merupakan tanah masyarakat. Sementara pihak kerajaan tidak mengakuinya kerana masyarakat tidak mempunyai sijil tanah. Dalam kes ini, masyarakat menentang syarikat kelapa sawit tersebut. Akibatnya, terdapat kematian daripada pihak masyarakat, sementara kerugian juga dialami oleh syarikat. Dalam kes ini, pihak kerajaan tidak melakukan komunikasi berkesan dengan masyarakat. Kerajaan telah mengabaikan fungsi tokoh masyarakat dan tokoh agama. Mereka tidak memperoleh kesempatan untuk mensyarat membincang soalan tersebut. Pihak kerajaan hanyalah memperlihatkan kekuasaan dan kesewenang-wenangan yang melekat padanya untuk memaksakan kehendak.

Adanya kecenderungan-kecenderungan seperti ini kerap kali mengakibatkan adanya kekecewaan di kalangan masyarakat. Keadaan demikian ini boleh menyebabkan pengumpulan perasaan kecewa sehingga pada masa hadapan boleh mengakibatkan fatal. Sumber utama terjadinya konflik iaitu terjadinya perbezaan dalam memaknai sesuatu. Manakalah pihak-pihak berkaitan melakukan komunikasi dengan baik, maka tentu akan mencari titik temu dari perbezaan ini. Jika sudah ada titik temu, maka soalan tersebut boleh mencegah terjadinya konflik. Dalam konteks di Indonesia, manakala berlaku proses komunikasi antara pihak kerajaan dengan masyarakat, maka pihak kerajaan merasa bahawa mereka lebih berkuasa daripada masyarakat, sehingga mereka boleh menentukan kehendak mereka sahaja. Padahal pemerintahan yang bersifat authoritarian tidak lagi mendapat tempat di hati rakyat yang pada

umumnya menentang sebarang bentuk keganasan negara (Sity Daud, 2006).

Baron dan Byrne (dalam Kusnarwatiningsih 2007) mengemukakan konflik disebabkan antara lain oleh perebutan sumber kuasa, balas dendam, atribusi, dan kesalahan dalam berkomunikasi. Konflik dilatarbelakangi oleh perbezaan ciri-ciri yang dibawa individu dalam suatu interaksi, perbezaan tersebut di antaranya adalah berkaitan ciri fizikal, kepandaian, pengetahuan, adat-istiadat, keyakinan dan sebagainya. Kesalahan dalam berkomunikasi disebabkan kerana berlakunya perbezaan yang dialami oleh komunikator dengan komunikan dalam memaknai sesuatu mesej.

Perbezaan dalam memaknai suatu mesej berlaku kerana terjadinya halangan dalam komunikasi, antara lain dalam aspek (Elvinaro Ardianto, dkk. 2007):

1. Perbezaan kepentingan (*interest*). Kepentingan atau interest akan membuat seseorang selektif dalam menanggapi atau menghayati mesej. Orang hanya akan memerhatikan perangsang (stimulus) yang ada hubungannya dengan kepentingannya. Kepentingan bukan hanya mempengaruhi perhatian kita sahaja tetapi juga menentukan daya tanggap, perasaan, fikiran dan tingkah laku kita. Kepentingan komunikasi dalam suatu aktiviti komunikasi sangat ditentukan oleh manfaat atau kegunaan mesej komunikasi itu bagi dirinya.
2. Prasangka (*prejudice*). Prasangka berkaitan dengan persepsi orang tentang seseorang atau kumpulan lain, dan sikap serta perilakunya terhadap mereka. Pada umumnya prasangka dilakukan oleh suatu kelompok masyarakat tertentu terhadap kelompok masyarakat yang lain

- kerana perbezaan suku bangsa dan agama.
3. Stereotaip (*stereotype*). Prasangka sosial bergandingan dengan stereotaip yang merupakan gambaran atau tanggapan tertentu mengenai sifat-sifat dan watak peribadi orang atau golongan lain yang bercorak negatif. Stereotaip mengenai orang lain itu sudah terbentuk pada orang yang berprasangka, meski sesungguhnya orang yang berprasangka itu belum bergaul dengan orang yang diprasangkainya. Stereotaip terbentuk pada diri seseorang berdasarkan maklumat yang kurang lengkap subjektif. Dalam proses komunikasi massa, bila ada komunikasi yang mempunyai stereotaip negatif kepada komunikatornya, maka dapat dipastikan mesej apa-apa tidak akan dapat diterima oleh komunikan.
  4. Motivasi (*motivation*). Semua tingkah laku manusia pada hakikatnya mempunyai motif tertentu. Motif merupakan suatu pengertian yang melingkupi semua penggerak, alasan-alasan atau dorongan-dorongan dalam diri manusia yang menyebabkan manusia itu berbuat sesuatu. Perbuatan dan tingkah laku manusia tentu sesuai dengan keinginan dan keperluannya. Keinginan dan keperluan masing-masing individu berbeza dari masa ke masa dan dari tempat ke tempat lain, sehingga motifnya pun berbeza-beza.

Untuk mengatasi halangan dalam berkomunikasi berupa prasangka yang ada pada komunikan, maka komunikator yang akan menyampaikan mesej melalui media massa sebaiknya komunikator yang neutral, dalam erti ia bukan orang yang kontroversi. Untuk mengelakkan prasangka komunikan, komunikator yang dipilih juga harus mempunyai

reputasi yang baik, ertinya ia tidak pernah terlibat dalam suatu peristiwa yang telah membuat luka hati komunikan, apakah lewat kenyataan-kenyataan atau tindakan fizikal. Dengan kata lain, komunikator itu harus boleh diterima, di samping harus mempunyai kredibiliti yang tinggi kerana kemampuan dan keahliannya (Elvinaro Ardiantor, dkk. 2007).

Manakala terjadi konflik yang melibatkan rakyat dengan kerajaan ataupun antara sesama rakyat, maka untuk meminimumkan perbezaan pemaknaan terhadap sesuatu mesej, diperlukan adanya pihak yang neutral. Dalam konteks Indonesia, peranan opinion leader atau pemimpin pendapat yang terdiri dari tokoh agama atau ulama dan tokoh masyarakat, menjadi amat mustahak. Peranan pemimpin pendapat ini adalah untuk menengahi suatu soalan yang sukar dicapai titik temu. Pada amnya, konflik berlaku kerana tidak ada titik temu keinginan dari pihak-pihak yang bersengketa.

Akumulasi pengalaman konflik mungkin mengarah pada transformasi keperibadian positif, mereka juga boleh mengarahkan pada transformasi dalam arah sangat negatif, sehingga menghasilkan keperibadian pahit, yang penuh dengan kekecewaan (Johan Galtung 2003).

### **Kredibiliti dan Impak Komunikasi Ulama**

Ulama ialah pemimpin umat Islam yang mempunyai pengetahuan agama yang luas. Dalam perkembangan saat ini, ulama tidak hanya menguasai ilmu agama, akan tetap ia juga boleh memahami segala aspek yang berlaku dalam masyarakat. Ulama perlu mengetahui soalan-soalan yang berlaku di persekitaran persekitarannya. Dengan



pengetahuan tersebut, ulama mempunyai konsep yang baik untuk boleh mengarahkan masyarakat untuk menjadi lebih baik lagi. Menurut M. Quraisy Shihab (2003), ada empat tugas utama yang harus dijalankan ulama sesuai dengan tugas kenabiannya, iaitu: (1) menyampaikan ajaran-ajaran Al-Quran sebagaimana dicontohkan oleh Rasulullah saw. (2) Menjelaskan ajaran-ajaran Al-Quran untuk boleh difahami umat, (3) memutuskan perkara atau masalah yang dihadapi masyarakat, dan (4) memberikan contoh yang baik kepada masyarakat.

Oleh itu, ulama seharusnya tidak hanya sekadar memberikan fatwa, tetapi juga ikut menyertai dalam program kerajaan sejak perancangan sampai pengawasan pelaksanaannya (M. Quraisy Shihab, 2003). Hubungan antara ulama dengan umara '(kerajaan) mempunyai persamaan tugas yang sama baik iaitu mewujudkan kesejahteraan umatnya. Untuk mewujudkan hubungan baik antara ulama dengan pihak kerajaan, diperlukan keadaan terbuka yang didasari dengan prasangka baik (*husn al-zhann*). Dengan demikian segala kekurangan, kebaikan mahupun kebenaran dapat diterima. Ulama harus dapat memberikan petunjuk dan bimbingan kepada masyarakat, kerana itu seorang ulama harus menjadi pemimpin dalam masyarakat.

Masyarakat Indonesia sangat mempercayai ulama. Dalam sistem komunikasi yang berlaku di Indonesia, kedudukan ulama adalah sebagai pemimpin informal. Secara sosiologis, kedudukan ulama mendapat tempat yang baik di hati masyarakat. Oleh itu, masyarakat juga memberikan gelaran "kiyai" kepada ulama. Tidak semua individu yang mengetahui ilmu agama dapat digelar sebagai "kiyai". Menurut

M. Munandar Soelaiman (Nuruddin 2003), kiyai mempunyai kekuatan memimpin pendapat dalam masyarakat kerana terdapat dua perkara, iaitu: (1) mempunyai kemampuan perasaan kemasyarakatan yang dalam dan tinggi (*highly developed social sence*) dan (2) selalu melandaskan sesuatu kepada persetujuan bersama (*general consensus*).

Walaupun berada dalam kedudukan sebagai pemimpin informal, ulama tetap mempunyai peranan penting dalam masyarakat. Khalayak akan memilih dan menerima sumber berasaskan kepada kepercayaan mereka terhadap tahap pengetahuan sumber (Mohd. Baharuddin Othman dan Mohd. Khairie Ahmad, 2009). Beberapa faktor yang menyebabkan tingginya tahap kepercayaan masyarakat kepada ulama antara lain kerana;

1. Ulama mempunyai kapasiti ilmu agama yang tinggi. Sebagai bangsa yang banyak penganutnya beragama Islam, ulama menjadi tumpuan umat dalam mendapatkan ajaran Islam, yang membimbing umat ke arah yang sesuai dengan tuntutan Al-Quran dan As Sunnah. Ilmu yang dimiliki oleh para ulama dalam bidang agama, menjadi modal utama yang dia miliki untuk berinteraksi dengan umat. Ulama telah mendalami Islam sejak dari zaman kanak-kanak hingga dewasa. Oleh itu, ilmunya dalam bidang agama sudah cukup luas dan dalam sehingga peringkat kredibiliti menjadi tinggi.
2. Ulama boleh menjadi rujukan dan contoh dalam melaksanakan ajaran agama. Dalam menjalani kehidupan ini, manusia memerlukan contoh untuk dijadikan rujukan dalam hidupnya, baik dalam kehidupan sosial, budaya, dan persekitaran.

Ulama sebagai pewaris nabi, mempunyai potensi yang tepat untuk menjadi contoh teladan dalam kehidupan. Ulama dapat memahami teks dan konteks ajaran Islam yang telah diamalkannya. Demikian pula kepada para keluarganya, ulama telah mendidik keluarganya untuk berlaku baik sesuai dengan tuntutan ajaran Islam. Ada kesesuaian antara apa yang dikomunikasikan dengan apa yang diamalkan. Kesesuaian inilah yang dapat memberi contoh bagi umat.

3. Tingkat kehidupan ulama yang sederhana dan tidak terpengaruh dengan kehidupan duniawi. Islam mengajar umat untuk meraih kesejahteraan dunia dan akhirat. Kehidupan ulama di Indonesia tergolong mudah. Mereka boleh mencapai kesejahteraan dunia tanpa mengabaikan tujuan akhiratnya. Inilah yang menyebabkan ulama hidupnya sederhana dan jauh dari kemewahan dunia. Satu penyebab berlakunya konflik iaitu kerana terlalu mencari kehidupan duniawi. Ulama yang hidupnya sederhana, cenderung untuk tidak terlibat dalam konflik dalam masyarakat.
4. Ulama boleh menjadi moderator yang neutral dan jernih dalam menilai sesuatu masalah. Bagi masyarakat Indonesia, ulama diletakkan sebagai sumber penyelesaian soalan. Manakala ada soalan yang terjadi di masyarakat, mereka boleh meminta penyelesaian kepada ulama. Oleh kerana itu, dalam memandang suatu soalan, ulama menjadi lebih objektif dan neutral.

Karisma ulama sebagai pemimpin pendapat akan memberikan sumbangan besar bagi aliran komunikasi dari ulama kepada masyarakat atau sebaliknya

antara sesama anggota masyarakat. Manakala ulama sudah bilang tidak untuk diadakan suatu perubahan sosial di masyarakat, maka masyarakat atau pengikutnya akan mengatakan yang serupa. Kelebihan yang dimiliki oleh para ulama merupakan potensi yang seharusnya dimanfaatkan oleh kerajaan untuk bekerjasama dalam menggalakkan pembangunan. Penyertaan ulama dalam pembangunan akan diikuti pula oleh masyarakat.

### **Tahap Penglibatan Ulama Mencegah Konflik**

Konflik yang berlaku di masyarakat Indonesia pada umumnya terjadi kerana ada perbezaan pandangan dalam menilai suatu soalan. Perbezaan ini boleh mengeruhkan emosi, dendam, sakit hati dan kekecewaan. Manakala sifat-sifat seperti ini sudah terkumpul dalam diri seseorang, maka terjadilah hasrat untuk melakukan perlawanan, yang pada akhirnya menimbulkan konflik dan tindak kekerasan. Konflik boleh berlaku antara satu masyarakat dengan masyarakat lain, antara satu etnik dengan etnik lain, antara satu penganut agama dengan penganut agama lain. Di beberapa tempat konflik juga berlaku antara masyarakat dengan pemilik syarikat atau kontraktor. Bahkan sering pula terjadi konflik yang berlaku antara rakyat dengan pihak kerajaan.

Untuk mengelakkan berlakunya konflik di kalangan masyarakat, banyak usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan. Namun demikian, tetap saja berlaku konflik yang menjurus kepada tindak kekerasan. Satu antara penyebab faktor penyebab konflik adalah manakala pihak kerajaan tidak melibatkan masyarakat dalam mengambil keputusan untuk melaksanakan suatu projek atau program yang mempunyai impak luas terhadap

masyarakat. Pihak kerajaan yang berat hati melibatkan tokoh-tokoh masyarakat dan tokoh-tokoh agama dalam pembangunan kerana mereka berpendapat pihak mereka tidak akan boleh berbuat sesuai kehendak mereka. Penglibatan tokoh agama atau ulama contohnya, dianggap akan mengurangkan kebebasan mereka dalam bertindak. Mereka tidak akan boleh melakukan manipulasi terhadap anggaran, akan menutup peluang untuk melakukan tindakan-tindakan yang menguntungkan mereka walaupun dengan cara yang tidak terpuji, misal melakukan rasuah, dan sebagainya. Pendapat seperti ini sudah saatnya dielakkan manakalah pihak kerajaan sebenar-benarnya dan tulus dalam melaksanakan pembangunan demi kepentingan masyarakat untuk mencipta kesejahteraan rakyat.

Penglibatan ulama dalam mencegah konflik dalam masyarakat akan lebih berkesan manakala dilaksanakan sebelum terjadinya konflik. Selama ini di Indonesia, ulama akan diajak untuk meredakan konflik, bukan untuk mencegah. Seperti yang terjadi di Bandar Ambon dan Bandar Bima dalam konflik baru-baru ini. Kerajaan baru akan mengumpulkan ulama dan tokoh masyarakat setelah berlakunya konflik atau ketika ada situasi tegang menjelang konflik. Perilaku kerajaan seperti ini dipandang tidak akan menimbulkan impak yang luas. Kerana ibarat mencegah terjadinya kebakaran, jangan setelah berlaku kebakaran baru menyiram dengan air. Sepatutnya untuk mencegah kebakaran, perlu diambil kira tindakan yang sepatutnya dengan memperbaiki segala komponen yang rawan terbakar.

Pihak kerajaan sudah sepatutnya memperhatikan kedudukan ulama

dengan serius dan tulus. Ulama mempunyai pengaruh yang kuat dalam masyarakat, sehingga mesti dimanfaatkan kerajaan untuk bersama membina bangsa. Manakala penglibatan ulama dalam mencegah konflik, perlulah dilakukan dengan mengambil kira aspek dan dalam masa beberapa tahap, iaitu:

#### 1. Perancangan.

Dalam rangka melaksanakan suatu pembangunan, maka perancangan perlu dilaksanakan dengan baik, teliti dan menyeluruh. Pihak kerajaan perlu menjelaskan matlamat dari suatu projek dan meminta pendapat dari ulama terhadap sesuatu projek pembangunan. Dalam hal ini tentu akan menimbang pelbagai perkara berkaitan dengan projek itu, terutama dari sisi manfaatnya untuk kepentingan umat dan mengelakkan adanya impak negatif daripada projek itu. Ulama dalam memutuskan suatu perkara telah mempertimbangkan aspek positif dan negatifnya. Bila ternyata dalam perancangan pembangunan diketahui akan mempunyai impak negatif, ulama akan memberikan pendapat kepada pihak kerajaan untuk mengelakkan berlakunya impak negatif tersebut.

#### 2. Pelaksanaan.

Dalam pelaksanaan pembangunan di lapangan, fungsi ulama bukanlah turut serta menjadi pelaksana teknikal pembangunan. Penglibatan ulama dalam tahap ini ialah dengan memberikan peluang untuk melakukan analisa terhadap proses pembangunan yang sementara dilaksanakan. Kehadiran ulama dalam pelaksanaan pembangunan lebih kepada memberikan semangat dan motivasi kepada pihak kerajaan dan pelaksana pembangunan untuk melaksanakan proses supaya diusahakan

sesuai dengan perancangan yang telah dipersetujui bersama.

### 3. Pengawasan dan penilaian.

Diperlukan adanya pihak yang boleh mengawasi jalannya pembangunan. Pengawasan diperlukan untuk dapat menilai sejauh mana pelaksanaan pembangunan dikerjakan sesuai rencana. Dalam tahap ini, ulama boleh memberikan pendapat kepada pihak kerajaan dan pelaksana pembangunan, manakala terhadap penyimpangan dari rencana semula. Demikian pula manakala terjadi halangan yang menyebabkan terganggunya suatu projek, maka pihak kerajaan dan pelaksana pembangunan dapat melakukan musyawarah dengan ulama untuk mencari penyelesaian atas masalah yang timbul tersebut.

### 4. Pemanfaatan.

Sebaik-baiknya pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan iaitu manakala program pembangunan tersebut memberikan manfaat yang sebesar-besarnya kepada masyarakat. Apapun bentuk dan jenis pembangunan yang digalakkan oleh kerajaan, destinasi utama yang perlu dikedepankan ialah tercapainya kesejahteraan rakyat. Oleh itu, pihak kerajaan mestilah bersikap adil dan bijaksana. Tidak boleh ada penyelewengan atas program pembangunan yang dilaksanakan. Fungsi ulama dalam konteks ini iaitu memastikan supaya hasil pembangunan boleh diakses dan dimanfaatkan oleh masyarakat.

Pembangunan yang melibatkan ulama dengan serius dan melalui tahap-tahap tersebut, diyakini boleh memberi rasa puas hati kepada masyarakat. Pemanfaatan hasil pembangunan yang merata dan memberikan manfaat yang

positif untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat menjadi satu indikator kejayaan pembangunan. Semua soalan yang berlaku akibat dari proses pembangunan boleh dimusyawarahkan dengan ulama. Manakalah keadaan sudah seperti ini, maka kecil peluang untuk konflik, kerana tidak ada alasan untuk berbuat konflik. Sebab konflik hanya boleh berlaku manakala ada pihak-pihak yang tidak puas hati, kekecewaan dan balas dendam. Kehadiran ulama boleh menekan adanya pihak-pihak yang merasa tidak puas hati ini, kerana pembangunan sudah melibatkan ulama bermula dari perancangan hingga penggunaannya.

## KESIMPULAN

Konflik yang berlaku di dalam kumpulan masyarakat lebih disebabkan kerana faktor tidak puas hati yang dirasakan oleh masyarakat atas aspek pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Ketidakpuasan ini bermula kerana masyarakat menganggap bahawa pembangunan yang dilaksanakan tidak membawa manfaat bagi mereka, justeru memberikan kesan yang sangat negatif. Ada keinginan yang tidak boleh dicapai oleh masyarakat dalam pembangunan, manakala pihak kerajaan sendiri memperoleh keuntungan peribadi atas soalan yang membuat masyarakat tidak tenteram. Akumulasi kekecewaan yang dirasakan oleh masyarakat yang terpendam dalam masa yang lama, boleh mengakibatkan tindak kekerasan. Walaupun tindakan kekerasan merupakan perkara yang tidak terpuji, justeru itu pihak kerajaan mestilah berupaya mengelakkan kejadian yang menyebabkannya.

Pihak kerajaan dalam melaksanakan program pembangunan tentunya dapat disedari adalah merupakan kewajipan

untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Namun demikian, dalam proses pelaksanaannya terdapat berbagai soalan. Seperti yang terjadi di Bima Nusa Tenggara Barat. Masyarakat menolak pembangunan projek perlombongan emas kerana memberi kesan negatif bagi masyarakat tempatan.

Sebelum melaksanakan pembangunan, baik pembangunan fizikal mahupun nonfizik, kerajaan sepatutnya melibatkan masyarakat melalui tokoh-tokohnya, seperti ulama dan pemuka pendapat lain (*opinion leader*). Penglibatan ulama dalam pembangunan bermula dari tahap perancangan sehingga tahap pemanfaatan. Penglibatan ini diperlukan untuk memastikan sama ada pembangunan terbabit dikerjakan sesuai dengan asas pemanfaatan untuk kesejahteraan masyarakat dan dalam pelaksanaan pembangunannya telah berdasarkan kepada perancangan semula dan tidak ada unsur manipulasi. Manakala pembangunan yang dilaksanakan dengan tahap seperti ini, maka kemungkinan untuk terjadinya konflik mahupun kekerasan daripada masyarakat boleh dicegah.

Masyarakat dapat mempercayakan sepenuhnya kepada para ulama untuk mewakili mereka guna terlibat dalam pembangunan yang digalakkan pihak kerajaan. Penglibatan ulama dalam proses pembangunan ini, haruslah berdasarkan niat yang tulus daripada pihak kerajaan dengan jujur. Manakala kedudukan yang paling penting dalam komunikasi dalam perspektif Islam adalah kualiti kebenaran, kerendahan hati, kebaikan, dan keadilan komunikator. Kejujuran, keikhlasan, niat komunikator dan kebenaran mesejnya, turut pula memberi peranan dalam berkomunikasi (Imtiaz Hasnain 1993).

Satu cara untuk mencapai kejayaan pembangunan yang bermanfaat besar kepada masyarakat, manakalah melibatkan masyarakat dalam pembangunan itu. Keseriusan pihak kerajaan dalam melibatkan ulama, perlu disokong dengan adanya peraturan-peraturan rasmi dari kerajaan yang menjadi rujukan dalam melaksanakannya.

### SNARAI PUSTAKA

- Adrian Leftwich, 1996. *Democracy and Development. Theory and Practice*. Blackwell Publishers Ltd: Oxford UK
- Amaney Jamal. 2005. *The Political Participation and Engagement of Muslim Americans : Mosque Involvement and Group*. *American Politics Research* 2005 33: 521. <http://apr.sagepub.com/content/33/4/521>
- Chin Saik Yoon 1996. *Participatory Communication for Development*. [http://idrc.org/mimap/ev-30910-201-1-DO\\_TOPIC.html](http://idrc.org/mimap/ev-30910-201-1-DO_TOPIC.html)
- Elvinaro Ardianto, et.all, 2007. *Komunikasi Massa, Suatu Pengantar*. Simbiosis Rekatama Media, Bandung
- Fauziah Ahmad, at.all., 2011. *Social Citizenship: Participation of Youths in a Civil Society*. Kertas Kerja International Conferensi Media and Communication: School of Media and Communication Studies Faculty of Social Sciences and Humanities Universiti Kebangsaan Malaysia
- Goran Hedebrö. 1984. *Communication and Social Change in Developing Nations*. Ames, Iowa: the Iowa State University Press.
- Guy Bessette 1996. *Development Communication in West and Central Africa : Toward a Research and Intervention Agenda*. [http://idrc.org/mimap/ev-30910-201-1-DO\\_TOPIC.html](http://idrc.org/mimap/ev-30910-201-1-DO_TOPIC.html)
- Hafied Cangara, 2009. *Komunikasi Politik, Konsep, Teori dan Strategi*. RajaGrafindo Persada, Jakarta
- Haidir Fitra Siagian dan Fauziah Ahmad 2012. *Kemelutan Politik Timur Tengah: Kebergantungan Khalayak terhadap Media*. *Jurnal Hipotesa*. Makassar : Universitas Sawerigading
- Haidir Fitra Siagian dan Mohd. Yusof Abdullah 2011. *Optimalisasi Fungsi dan Peran*

- Pemuka Pendapat sebagai Komunikator Politik.* Jurnal *Stimulus*. Makassar: Universitas Muslim Indonesia
- Henning Sten Hansen and Kristian Hegner Reinau, 2006. *The Citizens in E-Participation*. Aalborg University & National Environmental Research Institute, Fibigerstrde 11, DK-9220 Aalborg, Denmark
- Intiaz Hasnain 1993. *Komunikasi: Suatu Pendekatan Islam*. Dlm. *Wimal Dissanayake: Teori Komunikasi, Perpektif Asia*. Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka: Selangor Darul Ehsan.
- Johan Galtung, 2003. *Studi Perdamaian: Perdamaian dan Konflik, Pembangunan dan Peradaban*. Eureka: Surabaya
- Najib Razak 2011. *Perhikmatan Awam. Meneraju Perubahan, Melangkah Jangkaan*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB): Kuala Lumpur
- Mae Shaw. 2007. *Community development and the politics of community*. Oxford University Press and Community Development Journal
- Majid Tehranian 1993. *Teori Komunikasi dan Perspektif Islam*. (Dalam Wimal Dissanayake, peny. Teori Komunikasi Perpektif Asia). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mansor Ahmad Saman, Ramli Mohamed, dan Syawaluddin Anis. 1984. *Pengantar Komunikasi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sain Malaysia.
- M. Qurais Shihab 2001. *Membumikan Al-Qur'an*. Mizan: Bandung
- Mohd. Baharuddin Othman dan Mohd. Khairie Ahmad, 2009. *Pengantar Komunikasi*. Universiti Utara Malaysia: Sintok
- Mohd. Yusof Hj. Abdullah, et.all. 2010. *Memobilisasi Penyertaan Lokal Melalui Participatory Rural Appraisal (PRA) Bagi Penilaian Keperluan Untuk Pembangunan Komuniti*. Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication Jilid 27(1): 170-179
- Mohd. Yusof Hj. Abdullah. 2002. *Merancang Kempen Komunikasi Berasaskan Penilaian Formatif*. Jurnal Komunikasi Jilid 17, masa 34-56.
- Nik Hairi Omar 1998. *Penyertaan Penduduk Bandar Baru Bangi dalam Pendidikan dan Latihan*. Tesis Master Sain: Universiti Putra Malaysia.
- Nuruddin. 2004. *Sistem Komunikasi Indonesia*. Rajawali Pers: Jakarta
- Ratnam, K.J., 1997. *Asas Sains Politik*. Shah Alam: Fajar Bakti
- Renske Doorenspleet, 2006. *Democratic Transitions, Exploring the Structural Sources of the Fourth Wave*. Lynne Rienner Publishers, Inc.: Suite 314 Boulder
- Samsuddin A. Rahim, 2008. *Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihanraya Ke-12*. Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication, Jilid 26(2) : 1-15)
- Sity Daud, 2006. *Negara dan Ideologi Pembangunan*. Dlm; *Demokrasi Kepemimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Su Braden dan Marjorie Mayo. 1999. *Community development and representation*. Oxford University Press and Community Development Journal
- Thomas W. Valente dan Rebecca L. Davis. 1999. *Accelerating the Diffusion of Innovations Using Opinion Leaders*. London: SAGE Publications Ltd.
- Vidhu Verma, 2002. *Malaysia State and Civil Society in Transition*. Vinvlin Press Sdn Bhd, Malaysia
- Ulrich Beck, 1998. *Democracy Without Enemies*. Blackwell Publishers Ltd: Oxford UK
- \*Haidir Fitra Siagian, kandidat Doktor Falsafah (Ph.D.) pada Departemen Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia, ,
- \*\*Mohd. Yusof Abdullah, Normah Bt. Mustaffa, dan Fauziah Ahmad adalah doktor dalam bidang komunikasi, ketiganya juga pensyarah pada Departemen Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.